

25/08/2002

Pak Lah jamin kemuka laporan NGO

KUALA LUMPUR: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi jaminan akan mengemukakan laporan dan pandangan 36 wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengenai penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik untuk dipertimbangkan ke peringkat kerajaan.

Dalam pertemuan selama tiga jam dengan 36 wakil NGO yang terdiri daripada cendekiawan Melayu, pagi semalam, Abdullah berkata, mereka memberikan pandangan berbeza, iaitu sesetengahnya bersetuju dan kurang bersetuju dengan pelaksanaan penggunaan bahasa Inggeris, mulai tahun depan.

Bagaimanapun, secara umumnya, semua wakil NGO itu menyokong pelaksanaan itu dan berpendapat mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris adalah penting dan tidak ada halangan, kerana anak Melayu perlu juga menguasai bahasa lain, seperti bahasa Inggeris.

"Apa yang penting, mereka mahu jika bahasa Inggeris itu dilaksanakan, kedaulatan bahasa Melayu jangan dikorbankan.

"Soalnya, mereka juga mahu tahu bagaimanapun penggunaan bahasa Inggeris itu dilaksanakan dengan menjaga kepentingan dan kedudukan bahasa Melayu. Anak Melayu perlu diberi untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dalam semua bidang termasuk berkemampuan menggunakan bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

"Itu adalah secara umum yang diperkatakan dalam perbincangan itu. Banyak diperkata dalam pertemuan itu seperti berkaitan dengan pelaksanaannya, Tetapi tidak perlu saya perincikan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan mesyuarat dengan 36 wakil NGO di ibu pejabat Umno, di sini semalam.

Dalam pertemuan itu antara wakil NGO Melayu yang hadir ialah Persatuan Lingustik Malaysia, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Persatuan Suluh Budiman, universiti tempatan seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) dan Gabungan Penulis Nasional (Gapena).

Abdullah berkata, perjumpaan berkenaan adalah baik selepas mendapati ada pertubuhan yang mewakili masyarakat Melayu memberikan pelbagai pandangan mengenai pelaksanaan penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik.

"Saya fikir adalah baik mereka diberi kesempatan berjumpa saya untuk mendengar segala-galanya mengenai perkara itu," Katanya.

Khamis lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tetap melaksanakan penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik mulai tahun depan tetapi mungkin dengan sedikit pengubahsuaian.

Kaedah pelaksanaannya akan dikaji lebih lanjut dengan mengambil kira pandangan beberapa pihak termasuk parti komponen Barisan Nasional (BN) yang mewakili masyarakat Cina.